



## **Persepsi kualiti hidup komuniti Bidayuh: Kajian perbandingan antara peserta dan bukan peserta program (Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat) di Daerah Serian, Sarawak**

Novel Lyndon<sup>1</sup>, Mohammad Reevany Bustami<sup>2</sup>, Salfarina Abd Gapor<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia, <sup>2</sup>Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

Correspondence: Novel Lyndon (email: novel@ukm.my)

### **Abstrak**

Fokus utama kajian ini ialah mengenai hubungan antara persepsi kualiti hidup yang dikonseptualisasikan oleh agen-agen pentadbir atau pihak kerajaan (struktur peringkat makro) dengan persepsi kualiti hidup yang dikonstruksi daripada pandangan dunia komuniti Bidayuh itu sendiri (struktur peringkat mikro). Perkara ini merupakan jurang teoritikal yang ingin diterokai oleh penyelidik dalam kajian ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menggunakan pendekatan tafsiran, menggunakan logik abduktif berasaskan ontologi idealis dan epistemologi konstruksionis. Kajian ini telah dijalankan di Daerah Serian, Sarawak yang terletak kira-kira 64 kilometer ke selatan Bandaraya Kuching dan merupakan salah satu daripada empat daerah yang berada di bawah pentadbiran Bahagian Samarahan. Saiz tentang sampel kajian ini telah dicapai melalui sokongan yang berterusan terhadap ukuran atau kriteria tentang ketepuan teoritikal. Data dalam kajian ini telah dikutip dengan menggunakan teknik temubual mendalam dan perbincangan kumpulan secara informal. Hasil kajian ini mendapati wujudnya perbezaan kedudukan kategori kualiti hidup pandangan dunia antara responden yang tinggal di kawasan yang berhampiran bandar dengan yang tinggal di kawasan luar bandar. Kedudukan kategori kualiti hidup responden yang tinggal di kawasan yang berhampiran bandar bermula dengan kategori keupayaan sebagai pilihan utama dan kemudiannya disusuli dengan kategori-kategori lain seperti penyertaan, keperkasaan, keselamatan dan kemantapan, fizikal dan kesejahteraan psikologi, hubungan keluarga dan yang terakhir ialah komuniti sumber dan persekitaran. Sementara itu, bagi responden yang tinggal di kawasan luar bandar pula, kategori keselamatan dan kemantapan berada dalam kedudukan yang teratas diikuti dengan kategori-kategori lain seperti komuniti, sumber dan persekitaran, fizikal dan kesejahteraan psikologi, hubungan keluarga, penyertaan, keupayaan dan akhir sekali keperkasaan. Walaupun, kedudukan kategori kualiti hidup pandangan dunia antara responden yang tinggal di kawasan bandar dan luar bandar berbeza, namun dari segi interpretasi responden terhadap setiap tema-tema yang terdapat dalam kategori-kategori tersebut adalah hampir sama.

**Katakunci:** komuniti Bidayuh, kualiti hidup, pembangunan luar bandar, peringkat makro, peringkat mikro strategi penyelidikan abduktif

### **The Bidayuh community's perception of their quality of life: A comparative study between participants and non-participants of the People's Welfare Development Scheme in Serian, Sarawak**

## Abstract

The main focus of this study is the relationship between the perception of the quality of life as conceptualised at macro levels by the administrative and government agents with that constructed at the micro levels by the world views of the Bidayuh community themselves. The difference between the two perspectives represented the theoretical gap explored in this study by means of an interpretive methodology which featured abductive logic based on ontological idealism and social constructionist epistemology. The sample size was determined by the theoretical saturation technique and the data accumulated through in-depth interviews and informal group discussions with the subjects. The findings confirmed the existence of a worldview divergence between those subjects living close to town and those living in the outskirts. Those living close to town ranked in descending order ability, participation, empowerment, safety and security, psychological and physical wellbeing, family relationships, and resources and the environment. In contrast, respondents living in the outskirts ranked safety and security as most important, followed in descending order by community categories, resources and the environment, physical and psychological wellbeing, family relationships, participation, ability, and empowerment. Despite this apparent divergence, the respondents' interpretations of the various themes and categories encompassed in the study remain similar.

**Keywords:** abductive research strategy, Bidayuh community, macro level, micro level, quality of life, rural development

## Pengenalan

Kajian ini memberi fokus untuk memahami kualiti kehidupan orang Bidayuh menurut paradigma mereka sendiri. Hal ini kerana, kajian-kajian lepas jelas menunjukkan bahawa ketidakberkesanan sesuatu program pembangunan untuk meningkatkan kualiti kehidupan sesebuah komuniti khususnya di kawasan luar bandar seringkali dikaitkan dengan sikap kumpulan perencana yang gagal memahami kehendak dan aspirasi kehidupan kumpulan sasaran (Shamsul, 1977:3; Katzner, 1979:12; Sen, 1980:218; Fishers, 1998:11; Horowitz, 1998:45; Van Wicklin, 2001:3). Selain itu juga, penerapan objektif sesuatu rancangan pembangunan lazimnya menonjolkan dua perkara. Pertama, perencananya adalah ahli ekonomi atau yang telah menerima latihan dalam disiplin ekonomi; dan kedua ialah kecenderungan terhadap pendekatan konstruk teori Rostow yang mementingkan perubahan daripada tradisional kepada modenisasi yang bersifat unilinear tanpa mengambil kira kesesuaian kepada sesuatu komuniti terutama sekali dari aspek sosio-budaya dan penerimaan terhadap modenisme (Myrdal, 1970:851; Shamsul, 1977:4; Sanjaya et al., 2005:218). Tumpuan utama rancangan pembangunan ialah rancangan pembangunan ekonomi yang hanya mengutamakan pertumbuhan ekonomi dan perubahan sosial sebagai pengukur kejayaan pembangunan (Shamsul, 1977:4; Sen, 1993:33). Selain daripada itu, sebab utama kajian ini diberi perhatian adalah kerana amat kurang kajian yang dilakukan terhadap komuniti Bidayuh terutama sekali tumpuan terhadap pemahaman kualiti hidup dari sudut paradigma orang Bidayuh itu sendiri.

Keadaan ini sedikit sebanyak telah menyebabkan pemahaman dan pengetahuan tentang keperluan dan aspirasi komuniti ini kurang jelas dan seringkali dipinggirkan. Hal ini menyebabkan rancangan-rancangan pembangunan yang direncanakan oleh kerajaan untuk meningkatkan kualiti kehidupan komuniti ini acapkali mengalami kegagalan (Ngidang & Abdul, 1999; Ngidang, 2002:157; Madeline, 2004). Sehubungan dengan itu, adalah merupakan tanggungjawab utama kajian ini untuk mendapatkan satu asas penghuraian dan pemahaman yang jelas dan komprehensif tentang kualiti kehidupan komuniti Bidayuh terutama sekali melalui penyelidikan daripada sumber yang asal iaitu daripada pandangan dunia komuniti Bidayuh itu sendiri. Pemahaman yang jelas tentang konsep kualiti hidup yang dikonstruksi daripada pandangan dunia komuniti Bidayuh ini sedikit sebanyak akan membantu untuk mengenalpasti keperluan dan kehendak komuniti ini dalam kehidupan harian mereka. Tidak ketinggalan juga, ia akan

menyumbang kepada pengertian teoritikal konsep kualiti hidup tempatan dan konsep kualiti hidup yang dikonseptualisasikan oleh agen-agen pentadbir di peringkat makro.

### **Objektif dan persoalan kajian**

Objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti konstruk kualiti hidup komuniti Bidayuh melalui penyelidikan daripada sumber yang asal iaitu daripada pandangan dunia komuniti Bidayuh itu sendiri. Pemahaman yang jelas tentang konsep kualiti hidup yang dikonstruk daripada pandangan dunia komuniti Bidayuh akan menyumbang kepada pengertian yang amat penting dan mendalam tentang keperluan dan kehendak komuniti ini dalam kehidupan harian mereka. Objektif lain kajian ini ialah untuk menyumbang kepada pengertian teoritikal konsep kualiti hidup tempatan dan konsep kualiti hidup yang dikonsepsikan oleh agen-agen pentadbir di peringkat makro. Soalan kajian yang berikut akan menyediakan fokus dan hala tuju kajian: Apakah kualiti hidup mengikut pandangan dunia komuniti Bidayuh di Daerah Serian, Sarawak?

### **Metodologi kajian**

Kajian ini menggunakan *interpretivist ontology* dan strategi penyelidikan abduktif. Kajian ini bermula dengan orang Bidayuh mendedahkan konsep kualiti hidup yang digunakan oleh mereka apabila berbicara tentang keadaan kehidupan seharian mereka. Strategi penyelidikan bermula dengan satu tanggungjawab iaitu untuk menjumpai konsep dan makna, interpretasi, motif dan niat yang pada kebiasaannya digunakan oleh seseorang dalam kehidupan harian dan yang memacu tingkahlaku mereka (Blaikie, 1993:176). Dengan kata lain, adalah sesuatu yang amat penting untuk memasuki dunia harian sosial dalam usaha untuk mendapatkan makna yang disusun secara sosial (Blaikie, 2000:116) dan menghuraikan aktiviti dan makna yang digunakan oleh orang dalam kehidupan harian mereka. Populasi kajian ini terdiri daripada empat kumpulan iaitu: i) peserta program SPKR di kawasan pedalaman; ii) peserta program SPKR di kawasan yang berhampiran dengan bandar; iii) bukan peserta program SPKR di kawasan pedalaman; dan iv) bukan peserta program SPKR di kawasan berhampiran dengan bandar.

Keempat-empat kumpulan ini telah dikenalpasti sebagai sumber data kerana penyelidik menjangkakan bahawa kemungkinan terdapat wujudnya perbezaan pemahaman yang ketara antara kedua-dua jenis peserta ini tentang konsep kualiti hidup, memandangkan kedua-dua jenis peserta ini berasal dari kawasan penempatan yang berbeza. Andaian ini timbul berdasarkan pengalaman saudara-mara yang telah terlibat dan tidak terlibat dalam program SPKR dan juga hasil temubual saringan tentang konsep kualiti hidup yang diperolehi oleh penyelidik dengan beberapa orang peserta dan bukan peserta program SPKR sama ada di kawasan yang berhampiran dengan bandar dan juga di kawasan pedalaman. Tambahan pula, pemilihan jenis peserta program SPKR berdasarkan jarak kawasan penempatan dengan bandar turut dijangka dapat menghasilkan pemahaman tentang kualiti hidup komuniti Bidayuh dengan lebih komprehensif lagi. Memandangkan penyelidik mempunyai kelemahan atau ketidakupayaan untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan terperinci serta terkini tentang senarai nama penerima program SPKR dalam kalangan komuniti Bidayuh di Daerah Serian, maka kaedah secara rawak untuk memilih responden adalah tidak mustahil untuk diadaptasikan. Justeru itu, metod persampelan *non-probability* yang terdiri daripada persampelan kuota, persampelan bertujuan, persampelan *snowball* dan persampelan teoritikal telah digunakan dalam kajian ini. Persampelan bertujuan telah digunakan pada peringkat awal kajian untuk memilih dua jenis peserta program SPKR yang mempunyai pelbagai latar belakang atau profil demografi yang berbeza.

Penyelidik secara umumnya mempunyai keupayaan untuk mengenalpasti peserta dan bukan peserta program SPKR hasil daripada maklumat yang diperolehi secara lisan daripada rakan-

rakan dan saudara mara serta jaringan hubungan dengan ketua-ketua masyarakat di Daerah Serian, Sarawak. Melalui hasil maklumat dan jaringan hubungan ini, penyelidik kemudiannya telah berjaya menghubungi dan mengenalpasti orang Bidayuh yang terlibat sebagai peserta dalam program SPKR. Hal ini bermakna bahawa persampelan *snowball* sebenarnya telah digunakan secara langsung dalam proses untuk memilih responden dalam kajian ini. Walaubagaimanapun, penggunaan teknik persampelan *snowball* ini sedikit sebanyak telah menghadkan kepelbagaian responden dalam kajian. Untuk mengatasi masalah ini, penyelidik kemudiannya telah menghadiri seminar dan bengkel SPKR yang telah dikendalikan oleh Pejabat Daerah Serian bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang jenis program SPKR dan senarai orang Bidayuh yang terlibat sebagai peserta program dan kawasan yang terlibat dalam program SPKR. Sejumlah dua puluh lima orang peserta program SPKR di kawasan pedalaman dan dua puluh lima orang peserta program SPKR di kawasan yang berhampiran dengan bandar telah dipilih dalam kajian ini.

Seterusnya, bagi bukan peserta program SPKR pula, sejumlah dua puluh lima orang telah dipilih daripada kawasan pedalaman dan dua puluh lima orang lagi daripada kawasan yang berhampiran dengan bandar. Hal ini bermakna bahawa jumlah responden dalam kajian ini adalah sebanyak seratus orang. Saiz tentang sampel kajian ini telah dicapai melalui sokongan yang berterusan terhadap ukuran atau kriteria tentang ketepatan teoritikal. Ketepatan teoritikal berlaku atau terjadi apabila tidak terdapat sebarang kategori baru yang muncul dan tidak terdapat data yang relevan yang boleh membincangkan atau bertindak terhadap kategori yang wujud. (Bogdan & Biklen, 1998:15; Strauss & Corbin, 1990:30). Seterusnya, aktiviti penyemakan konstruk saintifik merupakan perkara yang sangat penting dalam usaha untuk meningkatkan kebenaran, mengekalkan ketepatan dan kredibiliti atau kejelasan terhadap konstruk saintifik. Hal ini bermakna bahawa setiap kategori atau tema saintifik yang telah dihasilkan oleh saintis sosial haruslah disemak semula dengan aktor sosial bagi mengekalkan integriti kategori atau tema tersebut. Proses penyemakan konstruk saintifik merupakan proses di mana kesemua tindakan aktor sosial dan konstruk mereka tentang kualiti hidup haruslah difahami oleh aktor sosial itu sendiri dan juga oleh rakan-rakan aktor sosial. Tambahan pula, kedua-dua bahasa iaitu bahasa yang sudah sedia ada wujud dalam dunia aktor sosial dan bahasa saintifik haruslah diikat secara bersama bagi memastikan konsep teknikal yang dihasilkan oleh saintis sosial selari dan tidak menyimpang dengan pandangan dunia aktor sosial.

## Hasil kajian dan perbincangan

### *Apakah kualiti hidup mengikut pandangan dunia komuniti Bidayuh?*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak dua puluh tiga tema telah diperihalkan oleh komuniti Bidayuh yang tinggal di kawasan berhampiran bandar sebagai pandangan dunia mereka tentang kualiti hidup. Tema-tema ini kemudiannya telah dikelompokkan kepada tujuh kategori. Ketujuh-tujuh kategori tersebut telah dinamakan sebagai kategori keupayaan, penyertaan, keperkasaan, keselamatan dan kemantapan, fizikal dan kesejahteraan psikologi, hubungan keluarga dan akhir sekali komuniti sumber dan persekitaran. Ketujuh-tujuh kategori ini kemudiannya telah dipecahkan kepada tiga kelompok berdasarkan kekerapan ia ditimbulkan atau diperbincangkan oleh responden sepanjang temubual dijalankan. Kelompok yang pertama dinamakan sebagai kelompok yang paling kerap diperihalkan atau mendapat paling banyak perhatian, kelompok yang kedua dinamakan sebagai kelompok yang sederhana dan akhir sekali kelompok yang ketiga ialah kelompok yang kurang kerap ditimbulkan oleh responden. Berdasarkan kepada proses pengelompokkan tersebut, kategori keupayaan, penyertaan dan keperkasaan terletak di bawah kelompok pertama iaitu kelompok yang paling kerap ditimbulkan oleh responden. Sementara itu, kelompok pertengahan merangkumi kategori keselamatan dan kemantapan dan fizikal serta kesejahteraan psikologi. Seterusnya, kategori hubungan keluarga dan komuniti, sumber dan persekitaran pula terletak di bawah kelompok yang ketiga iaitu

kelompok yang kurang kerap ditimbulkan oleh responden. Keadaan ini secara jelas menunjukkan bahawa kategori hubungan keluarga dan komuniti, sumber dan persekitaran bukan lagi merupakan keperluan utama sebagaimana yang dinyatakan oleh Doyal dan Gough dalam teori keperluan manusia. Hal ini kerana tempat atau kedudukannya telah diganti oleh kategori keupayaan, penyertaan dan keperkasaan. Walaubagaimanapun, kedudukan keperluan perantaraan yang mengandungi keselamatan dan kemantapan dan fizikal serta kesejahteraan psikologi masih lagi kekal tidak berubah. Perubahan ini juga seiring dengan pandangan yang dikemukakan oleh Zell (2007), Hall et al., (1996) dan Hollinger (1994) sebelum ini yang menyatakan bahawa proses tranformasi masyarakat daripada tradisional atau pra moden kepada moden akibat daripada proses modenisasi sedikit sebanyak telah mempengaruhi persepsi masyarakat moden iaitu di kawasan bandar tentang kualiti hidup.

Dapatan kajian ini juga konsisten dengan hasil kajian tempatan yang dijalankan oleh Abdul Rahman (2006) dan Ong (2007) yang mengandaikan bahawa aspek keupayaan, penyertaan dan keperkasaan adalah merupakan kayu pengukur utama yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan dalam merangka perancangan baru yang komprehensif bagi mengatasi pelbagai isu dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat bandar dalam memenuhi keperluan kualiti kehidupan sosial mereka. Hal ini kerana aspek keupayaan menurut Sen merupakan satu kombinasi alternatif fungsi yang boleh dicapai oleh seseorang dan mereka kemudiannya bebas untuk membuat pilihan daripada himpunan tersebut seperti kebebasan untuk memilih pekerjaan yang memenuhi kepuasan diri, kebebasan untuk memilih pendidikan yang sesuai, kebebasan daripada memilih makanan yang ingin dimakan dan keupayaan untuk membuat pilihan tentang keadaan kehidupan mereka (Sen, 1993). Sementara itu, aspek penyertaan merupakan proses yang meningkatkan keperluan individu, pembangunan personal, kesedaran sendiri dan sedikit sebanyak kepuasan diri (Richardson, 1983). Sebaliknya, keperkasaan pula merupakan proses apabila individu atau sesuatu kumpulan berada pada tahap di mana mereka berkemampuan untuk menggunakan kebolehan, kemampuan dan kapasiti diri mereka sendiri dalam memahami, menginterpretasi masalah yang dihadapi dan kemudiannya mentakrifkan keperluan serta menterjemahkan takrifan keperluan ini kepada proses tindakan iaitu melalui penyertaan dalam organisasi itu sendiri (Zimmerman & Rappaport, 1988; Speer & Hughey, 1995; Somerville, 1998; Weissberg, 1999; Lyons et al., 2001; Moore, 2001; Mok et al., 2006).

Sehubungan dengan itu, Tanaka (2008:36) dalam kajian beliau tentang program *Southern Sustainable Agriculture and Education (Southern SARE)* dan hubungannya dengan kualiti hidup mencadangkan agar petunjuk kualiti hidup seperti keupayaan, penyertaan dan keperkasaan diberi perhatian dalam memahami kualiti hidup berbanding dengan petunjuk utiliti seperti pendapatan, aset atau harta benda dan situasi kewangan. Ini bagi memastikan agar konsep kualiti hidup yang dijana daripada sesebuah komuniti tersebut lebih menyeluruh dan mewakili diri komuniti itu sendiri. Beberapa kajian lepas juga turut mendapati bahawa pembolehubah keupayaan adalah merupakan pembolehubah yang mempunyai pengaruh yang paling signifikan dalam mentakrifkan kualiti hidup sesebuah komuniti (Kynch & Sen, 1983; Sen, 1999; Jasek-Rysdahl, 2001; Nussbaum, 2003); petunjuk penyertaan sebagai penentu langsung dan tidak langsung kualiti hidup komuniti bandar (Oakley & Marsden, 1984; Abbot, 1996; Gaye & Diallo, 1997; Lyons et al., 2001; Bloom et al., 2001; Durlak & Isenberg, 2004); dan terdapat hubungan yang signifikan yang tinggi antara pembolehubah keperkasaan dengan kepuasan kualiti hidup material seperti pendapatan dan pekerjaan. Hal ini kerana keperkasaan dihubungkan sebagai aspek yang mewakili perasaan individu untuk meningkatkan kuasanya untuk faedah diri sendiri tanpa mengubah struktur sosial iaitu melalui tindakan penyertaan dalam bentuk membuat pemilihan, mempengaruhi, membuat tuntutan, mengadakan perundingan dan terlibat dalam pelaksanaan aktiviti pembangunan (Parsons, 1991; Ward & Mullender, 1991; Wallerstein, 1993; Barr, 1995; Speer & Hughey, 1995; Somerville, 1998; Weissberg, 1999).

**Jadual 1. Tema kualiti hidup yang menjadi pilihan utama peserta dan bukan peserta program SPKR yang tinggal di kawasan yang berhampiran dengan bandar dan yang tinggal di kawasan luar bandar**

Tema kualiti hidup yang menjadi pilihan peserta dan bukan peserta program SPKR di kawasan yang berhampiran dengan bandar (n=50)	Tema kualiti hidup yang menjadi pilihan peserta dan bukan peserta program SPKR yang tinggal di kawasan luar bandar (n=50)
a. Keupayaan (50)	a. Tempat tinggal/rumah (50)
b. Penyertaan (49)	b. Pendapatan, wang dan simpanan (50)
c. Keperkasaaan (48)	c. Pekerjaan (50)
d. Tempat tinggal/rumah (47)	d. Infrastruktur dan perkhidmatan awam(50)
e. Pendapatan, wang dan simpanan (47)	e. Tanah dan geran tanah (50)
f. Pendidikan (47)	f. Kebolehsampaian terhadap pasaran dan harga pasaran yang baik untuk hasil pertanian (49)
g. Pekerjaan (47)	g. Kerohanian, amalan keagamaan dan sifat moral (47)
h. Anak-anak (47)	h. Kesihatan dan panjang umur (47)
i. Hubungan keluarga (47)	i. Pendidikan (46)
j. Kesihatan dan panjang umur (47)	j. Anak-anak (45)
k. Tanah dan geran tanah (45)	k. Hubungan keluarga (45)
l. Kerohanian, amalan keagamaan dan sifat moral (42)	l. Hubungan dengan ahli komuniti, jiran dan kawan (45)
m. Keselamatan (40)	m. Sokongan kebajikan (45)
n. Ketiadaan hutang (38)	n. Keselamatan (40)
o. Kebolehsampaian terhadap pasaran dan harga pasaran yang baik untuk hasil pertanian (35)	o. Harapan dan impian (30)
p. Makanan (30)	p. Ketiadaan hutang (25)
q. Kebendaan untuk menjalani kehidupan (30)	q. Pentadbiran tempatan dan kerajaan (20)
r. Harapan dan impian (25)	r. Makanan (15)
s. Penampilan yang baik (22)	s. Kebendaan untuk menjalani kehidupan (15)
t. Infrastruktur dan perkhidmatan awam (20)	t. Penampilan yang baik (15)
u. Hubungan dengan ahli komuniti, jiran dan kawan (15)	u. Penyertaan (10)
v. Pentadbiran tempatan dan kerajaan (10)	v. Keupayaan (8)
w. Sokongan kebajikan (8)	Keperkasaaan (5)

Nota: Nombor yang terdapat dalam kurungan menunjukkan jumlah responden yang membuat pilihan terhadap konsep tersebut

**Jadual 2. Perbandingan pecahan tema kualiti hidup peserta dan bukan peserta program SPKR di kawasan yang berhampiran dengan bandar dan di kawasan luar bandar mengikut kategori utama**

Kategori dan sub-kategori kualiti hidup orang Bidayuh di kawasan yang berhampiran dengan bandar	Kategori dan sub-kategori kualiti hidup orang Bidayuh yang tinggal di kawasan luar bandar
<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Keupayaan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penyampaian perkhidmatan awam</li> <li>b. Keupayaan dalaman</li> <li>c. Keupayaan luaran</li> </ul> </li> <li>b. Penyertaan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Perancangan</li> <li>b. Pelaksanaan</li> <li>c. Penilaian</li> <li>d. Pemantauan</li> </ul> </li> <li>c. Keperkasaan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Keperkasaan dalaman</li> <li>b. Keperkasaan luaran</li> <li>c. Keperkasaan tambahan</li> </ul> </li> <li>d. Keselamatan dan kemantapan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Tempat tinggal/rumah</li> <li>b. Pendapatan, wang dan simpanan</li> <li>c. Pendidikan</li> <li>d. Pekerjaan</li> <li>e. Tanah dan geran tanah</li> <li>f. Keselamatan</li> <li>g. Ketiadaan hutang</li> <li>h. Kebolehsampaian terhadap pasaran dan harga pasaran yang baik untuk hasil pertanian</li> <li>i. Makanan</li> <li>j. Kebendaan untuk menjalani kehidupan</li> </ul> </li> <li>e. Fizikal dan kesejahteraan psikologi                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kesihatan</li> <li>b. Kerohanian, amalan keagamaan dan sifat moral</li> <li>c. Harapan dan impian</li> <li>d. Penampilan yang baik</li> </ul> </li> <li>f. Hubungan keluarga                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Hubungan dengan ibu bapa</li> <li>b. Hubungan antara anak-anak</li> <li>c. Hubungan suami isteri</li> <li>d. Kehidupan semasa tua</li> </ul> </li> <li>g. Komuniti, sumber dan persekitaran                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Infrastruktur dan perkhidmatan awam</li> <li>b. Hubungan dengan ahli komuniti, jiran dan kawan</li> <li>c. Pentadbiran tempatan dan kerajaan</li> <li>d. Sokongan kebajikan</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Keselamatan dan kemantapan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Tempat tinggal/rumah</li> <li>b. Pendapatan, wang dan simpanan</li> <li>c. Pekerjaan</li> <li>d. Tanah atau geran tanah</li> <li>e. Kebolehsampaian terhadap pasaran dan harga pasaran yang baik untuk hasil pertanian</li> <li>f. Pendidikan</li> <li>g. Keselamatan</li> <li>h. Ketiadaan hutang</li> <li>i. Makanan</li> <li>j. Kebendaan untuk menjalani kehidupan</li> </ul> </li> <li>b. Komuniti, sumber dan persekitaran                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Infrastruktur dan perkhidmatan awam</li> <li>b. Hubungan dengan ahli komuniti, jiran dan kawan</li> <li>c. Sokongan kebajikan</li> <li>d. Pentadbiran tempatan dan kerajaan</li> </ul> </li> <li>c. Fizikal dan kesejahteraan psikologi                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kerohanian, amalan keagamaan dan sifat moral</li> <li>b. Kesihatan</li> <li>c. Harapan dan impian</li> <li>d. Penampilan yang baik</li> </ul> </li> <li>d. Hubungan keluarga                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Hubungan dengan ibu bapa/bapa dan ibu mertua</li> <li>b. Aadi beradik dan saudara mara</li> <li>c. Antara anak-anak</li> <li>d. Hubungan suami isteri</li> <li>e. Kehidupan semasa tua</li> </ul> </li> <li>e. Penyertaan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Membuat keputusan</li> <li>b. Kawalan dan pengaruh dalam perancangan dan pelaksanaan</li> </ul> </li> <li>f. Keupayaan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pencapaian dalam kehidupan</li> <li>b. Matlamat atau misi</li> <li>c. Sosial</li> <li>d. Penyampaian perkhidmatan awam</li> </ul> </li> <li>g. Keperkasaan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Keperkasaan dalaman</li> <li>b. Keperkasaan Tambahan</li> </ul> </li> </ul>

Nota: Kedudukan sub-kategori dalam kategori utama ini disusun mengikut kedudukan atau keutamaan responden.

Bagi responden yang tinggal di kawasan luar bandar pula, pandangan dunia mereka tentang kualiti hidup turut mengandungi dua puluh tiga tema. Walaubagaimanapun, kedudukan tema-tema ini dari segi kekerapannya adalah jauh berbeza jika dibandingkan dengan responden yang tinggal di kawasan berhampiran bandar Serian. Hal ini kerana tema yang berada pada kedudukan yang teratas paling kerap ditimbulkan oleh responden di kawasan luar bandar terdiri daripada aspek tempat tinggal atau rumah, pendapatan, wang dan simpanan, pekerjaan, infrastruktur dan perkhidmatan awam dan tanah adat dan geran tanah dan kebolehsampaian terhadap pasaran hasil pertanian. Manakala, tema yang berada pada kedudukan yang paling bawah ialah penyertaan, keupayaan dan keperkasaan. Kesemua tema-tema ini telah dibahagikan kepada tujuh kategori mengikut kekerapan iaitu kategori keselamatan dan kemantapan berada dalam kedudukan yang teratas sambil diikuti kategori-kategori lain seperti komuniti, sumber dan persekitaran, fizikal dan kesejahteraan psikologi, hubungan keluarga, penyertaan, keupayaan dan keperkasaan. Ketujuh-tujuh kategori ini kemudiannya dikelompokkan kepada tiga kelompok utama. Kategori yang berada pada kelompok yang paling kerap ditimbulkan ialah kategori keselamatan dan kemantapan, komuniti, sumber dan persekitaran. Sementara itu, kategori yang berada pada kelompok pertengahan pula ialah kategori fizikal dan kesejahteraan psikologi, hubungan keluarga. Seterusnya, kategori yang berada pada kelompok yang kurang mendapat perhatian terdiri daripada kategori penyertaan, keupayaan dan keperkasaan. Kesemua tema-tema kualiti hidup yang dinyatakan oleh komuniti Bidayuh luar bandar ini sebenarnya bertindih dengan teori keperluan manusia yang dicadangkan oleh Doyal dan Gough (1991). Hal ini kerana kedua-dua sarjana sosial ini mencadangkan komponen kesihatan fizikal sebagai keperluan utama dalam kesejahteraan hidup seorang manusia. Manakala, komponen keselamatan rumah dan keselamatan ekonomi dianggap sebagai keperluan perantaraan atau pertengahan kualiti hidup manusia. Sedangkan dalam kajian ini, perkara yang sebaliknya berlaku. Kategori keselamatan dan kemantapan, komuniti, sumber dan persekitaran adalah merupakan kategori yang dipersepsikan oleh komuniti Bidayuh luar bandar sebagai keperluan utama kualiti hidup mereka.

Dapatan kajian ini juga jauh berbeza dengan hasil kajian yang diperolehi oleh Higgs (2006:336). Hal ini kerana Higgs dalam kajiannya tentang persepsi kualiti hidup komuniti Afrika Selatan di kawasan luar bandar telah mendapati bahawa aspek keperluan fizikal atau psikologikal merupakan keperluan utama komuniti luar bandar. Pendapat yang sama juga turut diutarakan oleh Easterlin (2001) yang menyimpulkan bahawa aspek pendapatan dan situasi kewangan serta keperluan fizikal dan psikologi merupakan petunjuk utama kualiti hidup komuniti luar bandar di beberapa buah negara membangun. Sementara itu, Diener dan Lucas (2000), Ravallion (2001) dan Milanovic (2002) dalam kajian mereka pula mendapati bahawa komuniti yang tinggal di kawasan luar bandar lebih cenderung untuk memilih kesejahteraan objektif seperti aspek material dan kemudahan asas sebagai petunjuk utama dalam menentukan kualiti hidup mereka. Dapatan kajian yang diperolehi oleh Katiman dan Abd. Hamid (1996) tentang pembangunan rakyat termiskin di Kuala Terengganu juga turut konsisten dengan hasil kajian ini. Hal ini kerana hasil kajian mereka mendapati bahawa walaupun wujudnya proses pembangunan yang rancak di kawasan luar bandar seperti pembangunan tanah melalui pembukaan kawasan ladang kelapa sawit dan pembinaan kilang, namun petunjuk kualiti hidup seperti tempat tinggal, pendapatan, pekerjaan, tanah, pendidikan, keselamatan, makanan, infrastruktur dan perkhidmatan awam, hubungan dengan ahli komuniti dan pentadbiran tempatan dan kerajaan masih lagi kekal sebagai pilihan utama.

Kajian yang dijalankan oleh Narayan et al. (2000) terhadap suara orang miskin melibatkan dua puluh tiga negara merangkumi negara Timur Tengah, Asia Tenggara, Asia Barat, Amerika Latin, Eropah Timur dan Caribbean khususnya di kawasan luar bandar juga turut konsisten dengan kajian ini. Hasil kajian mereka mendapati bahawa pandangan dan persepsi komuniti luar bandar di negara-negara tersebut tentang kualiti hidup lebih cenderung terhadap petunjuk-petunjuk yang berkaitan dengan kesejahteraan material seperti keselamatan makanan, aset dan



pekerjaan dan kurang memberi penekanan terhadap isu-isu yang bersifat subjektif seperti kesejahteraan sosial, peranan institusi dan kebebasan dari segi tindakan dan pilihan seperti kebebasan bersuara, kebebasan untuk mendapatkan pendidikan dan kemahiran, kebebasan untuk bergerak, prinsip keadilan, integriti dan hak asasi manusia. Hal ini kerana kekurangan bekalan makanan, kekurangan sumber iaitu tanah untuk tujuan pertanian dan masalah kewangan untuk menampung keperluan ahli keluarga telah dikenalpasti sebagai masalah utama yang berpanjangan menghantui kualiti kehidupan mereka.

Keadaan ini secara jelas menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi melalui proses modenisasi bukanlah merupakan satu-satunya syarat yang mencukupi untuk mengurangkan kemiskinan atau meningkatkan kualiti hidup komuniti luar bandar. Hal ini kerana pembangunan ekonomi melalui proses dualisme belum tentu dapat membayangkan adanya agihan sumber yang saksama antara kawasan bandar dan luar bandar, kebebasan daripada penindasan, eksploitasi ataupun penyertaan yang sama rata di dalam aspek ekonomi dan politik (Esteve, 1985; Rahimah, 1989; Zell, 2007). Giddens dalam teori strukturasinya menyatakan bahawa keadaan ini timbul disebabkan wujudnya konflik antara amalan sosial yang difahami daripada dua sudut yang berbeza iaitu daripada sudut pandangan dunia aktor sosial (struktur mikro) dan daripada sudut pandangan dunia institusi sosial (struktur makro) (Giddens, 1984).

## Kesimpulan

Terdapat tiga kesimpulan utama yang dapat diperolehi dalam kajian ini. Kesimpulan yang pertama ialah pemahaman orang Bidayuh yang tinggal di kawasan yang berhampiran dengan bandar tentang kualiti hidup adalah bertindih dengan teori keperluan manusia yang disyorkan oleh Doyal dan Gough (1991) yang mengklasifikasikan matlamat kesihatan fizikal dan autonomi atau pemerintahan sendiri sebagai keperluan utama, makanan berkhasiat, tanah, air bersih, keselamatan fizikal, rumah, ekonomi, persekitaran fizikal, dan pendidikan sebagai keperluan perantaraan serta kecekapan yang diungkapkan melalui pekerjaan sebagai keperluan psikologikal. Ini adalah kerana beberapa matlamat yang bukan bersifat material seperti keupayaan, penyertaan dan keperkasaan individu sebagai kapital sosial telah mula menjadi perhatian utama responden dalam kajian ini. Walaubagaimanapun, dari segi keperluan perantaraan pula kedudukannya masih lagi konsisten dan menyokong teori keperluan manusia. Dalam kalangan orang Bidayuh di kawasan luar bandar pula pemahaman mereka tentang kualiti hidup juga turut tidak konsisten dengan teori keperluan manusia. Hal ini kerana beberapa petunjuk keperluan perantaraan yang dicadangkan oleh teori keperluan manusia seperti keselamatan rumah, ekonomi, fizikal, makanan dan pendidikan telah menjadi keutamaan responden. Hal ini bertepatan dengan kritik yang dibuat oleh Lavers, (2008:131) terhadap teori keperluan manusia yang menurut beliau terlalu menekankan petunjuk yang bersifat objektif sebagai keperluan utama dan meletakkan petunjuk yang bersifat subjektif atau bukan material dalam kedudukan nombor dua keperluan manusia. Sedangkan kedudukan ini boleh berlaku sebaliknya. Tambahan pula, pandangan yang terkandung dalam model kualiti hidup tersebut adalah tanpa perspektif iaitu dibina berdasarkan metodologikal konstruk pembangunan negara maju yang bercorak konflik dan *equilibrium*. Sehubungan dengan itu, beberapa orang sarjana seperti Escobar (1995), Higgs (2007) dan McGregor (2004) telah menggambarkan teori keperluan manusia sebagai model atau pandangan yang dikonstruksi daripada sudut pandang negara Eropah dan Amerika Utara ataupun negara maju dan tidak sesuai untuk digunakan di negara yang membangun. Kajian yang dilakukan oleh Jongudomkarn dan Camfield (2006) dan Pongsapitch (2003) dalam kalangan penduduk luar bandar dan bandar Thailand juga turut mendapati bahawa kategori sumber asli, perkhidmatan dan infrastruktur, kerajaan tempatan dan sokongan atau kebajikan yang disediakan oleh agensi luar

adalah merupakan pilihan utama responden berbanding dengan kategori kesihatan fizikal dan mental.

Kesimpulan kedua yang diperolehi dalam hasil kajian ini ialah ruang geografi, masyarakat dan masa adalah merupakan antara pembolehubah yang dikenalpasti telah mewujudkan perbezaan pemahaman di kalangan orang Bidayuh tentang kualiti hidup. Sebagai contoh, orang Bidayuh yang tinggal di kawasan yang berhampiran dengan bandar telah memilih kategori keupayaan sebagai aspek yang paling penting dalam kehidupan mereka. Sebaliknya, orang Bidayuh yang tinggal di kawasan luar bandar pula telah memilih kategori keselamatan dan kemandapan sebagai aspek yang paling penting dalam kehidupan mereka. Menurut Narayan, et al. (2000) dan De Waele dan Van Hove (2005) keadaan ini berlaku disebabkan ketidakcukupan keperluan asas yang berbeza-beza dari individu ke individu dalam masyarakat yang sama dan dari masyarakat ke masyarakat yang lain serta dari semasa ke semasa. Tambahan pula, petunjuk yang digunakan untuk mengukur kualiti hidup penduduk bandar adalah tidak sesuai untuk digunakan bagi mengukur kualiti hidup penduduk luar bandar memandangkan struktur komuniti, kemudahan infrastruktur dan masalah sosialnya juga turut berbeza (Shackman, Liu & Wang, 2005). Justeru itu, Jongudomkarn dan Camfield (2006:489) dalam hasil kajiannya terhadap masyarakat Thailand di kawasan luar bandar dan bandar bersetuju bahawa perbezaan ruang geografi, penyertaan, infrastruktur, penggunaan teknologi moden dalam aktiviti pertanian, pendapatan, pendidikan, agama, kualiti alam sekitar dan kesihatan masyarakat adalah merupakan antara pembolehubah yang memberi kesan secara langsung terhadap kualiti hidup seseorang komuniti atau seseorang individu. Kajian yang dilakukan oleh Pongsapitc (2000) dan Li Liu (2006:217) juga turut memperolehi hasil yang sama iaitu pembolehubah ruang geografi, agama, pendidikan, persekitaran, pendapatan, struktur masyarakat, budaya, haluan pemerintahan dan unsur yang terhasil di peringkat lokal, wilayah dan kebangsaan dilihat sedikit sebanyak akan mempengaruhi pemahaman seseorang tentang kualiti hidup.

Akhir sekali, kesimpulan ketiga yang dapat diperolehi dalam kajian ini ialah *world view* orang Bidayuh tentang kualiti hidup telah mempengaruhi keberkesanan program pembangunan yang direncanakan oleh kerajaan terhadap komuniti ini. Keadaan ini adalah jelas menunjukkan bahawa sudah tiba masanya program pembangunan yang hendak dilaksanakan oleh pihak perencana perlu memberi keutamaan terhadap keperluan khusus tempatan dan juga dari sudut perspektif sistem budaya dan pengetahuan tempatan itu sendiri. Hal ini selari dengan pandangan Briggs dan Sharp (2004:661) yang menyatakan bahawa pemahaman tentang dunia ahli komuniti yang hendak dijadikan sasaran dalam pembangunan seharusnya melalui ahli komuniti tersebut, berbanding dengan memahami dunia ahli komuniti ini melalui sudut pandangan orang lain yang terdiri daripada agen pembangunan, pihak berkuasa kerajaan, ahli korporat atau ahli perniagaan atau individu yang berkepentingan. Hal ini kerana ia mengambil kira suara dan keutamaan ahli komuniti itu sendiri serta menjanjikan keperkasaan ahli komuniti melalui proses pemilikan. Di samping itu, pihak perencana juga tidak seharusnya secara berterusan menyisihkan atau mengabaikan aspek-aspek seperti sejarah, spiritual sosial, organisasi, material, emosional, intelektual, politikal dan sifat-sifat kreatif iaitu pembelajaran, berkongsi, menghantar, menilai dan amalan yang telah dipraktikkan oleh ahli komuniti sasaran sekian lama sebagai satu cara kehidupan mereka (Agrawal, 1995; Escobar, 1995; Goss, 1996). Ini bertepatan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Kothari (1997:5) dan Chambers (1997:6) yang menyatakan bahawa ketidakberkesanan program pembangunan di negara membangun pada ketika ini bukan disebabkan sepenuhnya oleh halangan daripada faktor luaran dan dalaman seseorang negara semata-mata tetapi halangan-halangan tersebut lebih menjerus kepada penyisihan asas budaya komuniti sasaran ataupun pengetahuan sistem dan budaya tempatan oleh sesetengah pihak yang bertanggungjawab dalam pembangunan. Hasil kajian yang diperolehi sebelum ini oleh Ong (2007), Lavers (2008), Shackman dan Liu (2005) dan Jongudomkarn dan Camfield (2006) juga

turut senada dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Kothari ini. Tambahan pula, pengetahuan sistem dan budaya tempatan adalah merupakan unsur atau elemen utama dalam kapital sosial komuniti dan mengandungi aset utama yang merangkumi sifat-sifat seperti holistik, subjektif dan *experiential* dalam usaha komuniti ini untuk mendapatkan kawalan terhadap kehidupan sosial diri mereka sendiri (Briggs & Sharp, 2004:662; Mazzucato, 1997:6; Sillitoe, et al., 2005: 6).

## Rujukan

- Agrawal A (1995) Dismantling the divide between indigenous and scientific knowledge. *Development and Change* **26**, 413-439.
- Ahuvia A (2001) Well-being in cultures of choice: A cross-cultural perspective. *American Psychologist* **56**, 77-78.
- Ben-David J (1993) Bedouin's integration within Israeli state and society. In: Ben-David J (eds) *Notes on the bedouin: A series in memory of Yitzhaki Netzer*, 15-39. The Jacob Blaustein Institute for Desert Research, Ben-Gurion University, Beer Sheva, Israel.
- Biswas-Diener R, Diener E (2001) Making the best of a bad situation: Satisfaction in the slums of Calcutta. *Social Indicators Research* **55**, 329-352.
- Blaikie N (1993) *Approaches to social enquiry*. Polity, Cambridge.
- Blaikie N (2000) *Designing social research*. Polity, Cambridge.
- Bogdan R, Biklen S (1998) *Qualitative research for education*. Allyn & Bacon, Needham Heights, MA.
- Briggs J, Sharpe J (2004) Indigenous knowledges and development: A postcolonial caution. *Third World Quarterly* **24** (44), 661-676.
- Chambers R (1997) *Whose reality counts? Putting the first last*. ITDG Publishing, London.
- Chambers, R. (1992) Rural appraisal: Rapid, relaxed and participatory. *ID Discussion Paper*, 311, pp 1-60.
- De Waele I, Van Hove G (2005) Modern times: An ethnographic study on the quality of life of people with a high support need in a Flemish residential facility. *Disability and Society* **20** (6), 625-639.
- Diener E, Lucas RE (2000) Subjective emotional well-being. In: Lewis M, Haviland (eds) *Handbook of emotions*, 2nd edn. Guilford, New York.
- Diener E, Suh EM, Lucas RE, Smith HL (1999) Subjective well-being: Three decades of progress. *Psychological Bulletin* **125**, 276-302.
- Dinero SC (1997) Social adaptation and control in the post-nomadic urban environment: The case of the Israeli Negev Bedouin. *Journal of Social work and Policy in Israel: Theory, Research and Practice* **9-10**, 43-76.
- Doyal L, Gough I (1991) *A theory of human need*. Macmillan, Basingstoke.
- Ellen R, Harris H (2000) Introduction. In: Ellen R, Parkes P, Bicker A (eds) *Indigenous environmental knowledge and its transformations*, 1-33. Harwood Academic Publishers, Amsterdam.
- Escobar Arturo (1995) *Encountering development: The making and unmaking of the Third World*. Princeton University Press, Princeton.
- Fishers RJ (1998) Institutional incompatibility in community forestry: The case of Nepal. In: Fox J, Fisher RJ (eds) *Community organisation and government Bureaucracies in social forestry*. Working paper no.22. Environment and Policy Institute, East-west center, Hawaii.
- Gardner A(2000) At home in south sinai. *Nomadic Peoples* **4**, 48-67.
- Glaser BG, Strauss AL (1967) *The discovery of grounded theory*. Aldine, Chicago.
- Goss J (1996) Postcolonilism: Subverting whose empire? *Third World Quarterly* **22** (4), 479-489.

- Higgs NT (2007) Measuring and understanding the well-being of South Africans: Everyday quality of life in South Africa. *Social Indicators Research* **81**, 331-356.
- Horowitz M (1998) Development and the anthropological encounter: A reflective underview. *Development Anthropologist* **16** (1-2), 44-50.
- Jongudomkarn D, Camfield L (2006) Exploring the quality of life of people in North Eastern and Southern Thailand. *Social Indicators Research* **78**, 489-529.
- Kalland A (2000) Indigenous knowledge: Prospects and limitations. In: Ellen R, Parkes P, Bicker A (eds) *Indigenous environmental knowledge and its transformations: Critical anthropological perspectives*, 319-335. Harwood Academic Publishers, Amsterdam.
- Katzner DW (1979) *Choice and the quality of life*. SAGE, Beverly Hills.
- Kedem-Friedrich P, Al-Atawneh M (2004) Does modernity lead to greater well-being? Bedouin women undergoing a socio-cultural transition. *Social Indicators Research* **67**, 333-351.
- Kothari Uma (ed) (1997) *A radical history of development studies: individuals, institutions and ideologies*. David Philip, South Africa.
- Lane RE (1994) Quality of life and quality of persons: A new role for government? *Political Theory* **22** (2), 219-252
- Lavers T (2008) Reconciling the needs and wants of respondents in two rural Ethiopian communities. *Social Indicator Research* **86**, 129-147.
- Leach M, Mearns R (1996) *The lie of the land: Challenging received wisdom on the African environment*. International African Institute, London.
- Li Liu (2006) Quality of life as a social representation in China: A qualitative study. *Social Indicators Research* **75** (2), 217-240.
- Lithwick H (2000) *An urban development strategy for the Negev's Bedouin Community*. Negev Center for Regional Development, Ben-Gurion University, Beer Sheva, Israel.
- Madeline B (2004) Towards the national vision policy: Review of the economic policy and new development policy among the Bumiputera Communities in Sarawak. *Journal of Malaysia Studies* **XXI** (1&2). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mazzucato V (1997) Indigenous economies: Bridging the gap between economics and anthropology. *Indigenous Knowledge and Development Monitor* **5** (1), 3-6.
- McGregor A (2007) Development, foreign aid and post-development in Timor-Leste. *Third World Quarterly* **28** (1), 155-170.
- McHardy M, O' Sullivan E (2004) *Nations community well-being in anada: The Community Well-Being Index (CWB), 2001*. Strategic Research and Analysis Directorate, Indian and Northern Affairs Canada. IANC, Ottawa.
- Myrdal G (1970) *The challenge of world poverty*. Pantheon, New York.
- Narayan D, Chambers R, Shah MK, Petesch P (2000) *Voices of the poor crying out for change*. Oxford University Press.
- Neuman WL (2006) *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*, 6<sup>th</sup> edn. Allyn & Bacon, Boston.
- Ngidang D, Abdul RA (1999) Rural cooperative societies and community development in Sarawak. In: Victor King T (ed) *Rural development and social science research: Case studies from Borneo*, 251-267. Borneo Research Council.
- Ngidang D (2002) Contradictions in land development schemes: The case of Joint Venture in Sarawak, Malaysia. *Asian Pacific Viewpoints* **43** (2), 157-180.
- Ong P L (2007) *Pedagogi pembangunan ke arah dialog bermakna antara penggubal dasar dan sasaran pembangunan*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Kedua (ICOSH 07). Anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM Bangi. 13-15 Mac.

- Pieterse NJ (1998) My paradigm or yours? Alternative development, post development, reflexive development. *Development and Change* **29** (2), 343-373
- Pieterse NJ (2000) After post-development. *Third World Quarterly* **21** (2), 175-191.
- Pongsapitch A (2000) *Wellbeing measurement tool development of Thai people*. Social Research Institute, Chulalongkorn University and The Thailand Research Fund, Bangkok.
- Psacharopoulos E (1995) *The profitability of investment in education: Concepts and methods*. Available from: <http://www.worldbank.org>.
- Richard JE (2002) Toward a Social Development Index for Hong Kong: The process of community engagement. *Social Indicators Research* **58**, 313-347.
- Ritzer G (2000) *Classical sociological theory*, 3<sup>rd</sup> edn. McGraw-Hill Companies, United States of America.
- Ruiz C (1997) *Higher education and knowledge society: Some challenges*. Mexico City, Mexico.
- Ryan RM, Deci E (2001) Self determination theory and the facilitation on intrinsic motivation social development and well-being. *American Psychologist* **55**, 68-78.
- Sachs W (ed) (1992) *The development dictionary a guide to knowledge as power*. Witwatersrand University Press, Zed Books Ltd, London.
- Sen A (1981) *Poverty and famines: An essay on Entitlement and Deprivation*. Clarendon Press, Oxford, UK.
- Sen A (1988) The concept of development. In: Hollis Chenery, Srinivasan TN (eds) *Handbook of development economics*. North Holland, Amsterdam.
- Sen A (1993) Capability and well-being. In: Nussbaum, Sen (eds) *The quality of life*, 30-53. Clarendon Press, Oxford.
- Sen A (2002) *Rationality and freedom*. The Belknap Press of Harvard, University Press, Cambridge, MA.
- Shackman G, Liu YL, Wang X (2005) Measuring quality of life using free and public domain data. *Social Research Update*. University of Surrey, United Kindom. Available from: <http://www.soc.surrey.ac.uk/sru>.
- Shamsul AB (1977) Rancangan Malaysia Kedua: Satu penilaian dan kritikan teoritis. *Akademika*, Bil.10.
- Shamsul AB (1977) *RMK: Tujuan dan pelaksanaannya*. DBP, Kuala Lumpur.
- Shookner M (1998) *A Quality of Life Index for Ontario*. Paper presented at the Centre for the Study of Living Standards conference on the State of Living Standards and the Quality of Life in Canada. October 30-31, Ottawa.
- Shortall (2004) Social or economic goals, civic inclusion or exclusion? An analysis of rural development theory and practice. *Sociological Ruralis* **44** (1), 109-123.
- Sillitoe P, Dixon P, Barr J (2005) *Indigenous knowledge inquiries a methodologies manual for development*. Practical Action Publishing.
- Sillitoe P (1998) Knowing the land: Soil and land resource evaluation and indigenous knowledge. *Soil Use and Management* **14**, 188-193.
- Stoecker R (2003) Understanding the development organizing dialectic. *Journal of Urban Affairs* **25** (4), 493-512.
- Strauss A, Corbin J (1990) *Basics of qualitative research*. Sage, Newbury Park, CA.
- Tan J (1999) *Recent development in higher education in Singapore*. Available from: <http://www.bc.edu/bc org.avp/soe/cihe/direct1/News14/text7.html>.
- Triandis HC (1995) *Individualism and collectivism*. West view Press, Boulder, CO.
- Van Wicklin WA (2001) *The World Bank's experience with local participation and partnerships: Lessons from and OED evaluation* [cited 9 January 2003]. Available from: <http://www.undp.org/csopp/CSO/New Files/docemppeople1.html>.
- Veenhoven R (1994) Is happiness a trait? Test of the theory that a better society does not make people any happier. *Social Indicator Research* **32**, 101-160.

- Veenhoven R (1999) Quality of life in individualistic society: A comparison of 43 nations in the early 1990s. *Social Indicators Research* **48**, 157-186.
- Wolf A (2002) *Does education matter? Myths about education and economic growth*. Penguin, London.
- Woodhall M (1997) Human capital concepts. In: Halsey AH, Lauder H, Brown P, Stuart A (eds) *Education, culture, economy and society*. Oxford University Press, Oxford.